

TR: 6.8.66

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI MAJLIS MEMPERINGATI
HARI KEMERDEKAAN INDONESIA, DAN
PERDAMAIAN INDONESIA-MALAYSIA,
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
PADA 17 OGOS, 1966.**

Tuan Pengerusi,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Memperingati Hari Kemerdekaan Indonesia dan Perdamaian Indonesia-Malaysia, kerana telah sudi menjemput saya hadir di majlis yang permai pada malam ini dan saya mengucapkan setinggi tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa kerana dapat mengadakan majlis ini sungguhpun dalam masa yang singkat.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, majlis serupa ini adalah pertama kalinya disambut dan dirayakan di tanah air kita oleh masyarakat Indonesia dan rakyat Malaysia setelah 3 tahun negara kita dengan negara Indonesia putus perhubungan dan tali persahabatan akibat konfrontasi yang dilancarkan oleh Parti Komunis Indonesia terhadap negara kita.

Sungguhpun majlis pada malam ini dibuat secara tergesa-gesa kerana kesuntukan masa tetapi apa yang pentingnya ialah semangat dan perasaan muhibbah yang menyelubungi majlis Memperingati Hari Kemerdekaan Indonesia Yang ke 21 ini. Saya sangat sukacita kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada malam ini kerana perayaan malam ini akan tersemat di hati kecil saya untuk selama-lamanya sebab ia mempunyai hubungan yang rapat dengan Kerajaan Perikatan dan pemimpin-pemimpinnya dan saya sendiri yang telah menjalankan ikhtiar bagi mencapai perdamaian di antara Indonesia dengan Malaysia sehingga majlis pada malam ini dapat diadakan.

Perjanjian Persetujuan Bangkok telah ditandatangani dan sekarang kita dan Indonesia sedang berusaha bersama-sama untuk mengisi Perjanjian itu. Rakyat Malaysia dengan rakyat Indonesia mempunyai hubungan yang rapat dari segi bahasa, agama dan kebudayaan dan kita sempat bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana persahabatan antara Malaysia dan Indonesia telah dapat dipulihkan semula. Pada masa konfrontasi mula-mula dilancarkan dahulupun Kerajaan Perikatan dan saya sendiri menaruh keyakinan bahawa konfrontasi itu tidak akan berpanjangan kerana kedua-dua negara ini sangat rapat perhubungan dan kita tahu rakyat Indonesia tidak pernah bermusuh dengan rakyat Malaysia dan begitulah juga rakyat Malaysia tidak pernah bahkan tidak terlintas sedikit pun dikepala mereka hendak bermusuh dengan rakyat Indonesia.

Perjanjian Persetujuan Bangkok yang telah ditandatangani di-Jakarta itu adalah merupakan satu kemenangan bagi kedua-dua belah pihak, iaitu kemenangan persaudaraan dan kemenangan semangat muhibah. Tarikh 11 Ogos akan menjadi suatu tarikh yang bersejarah dalam sejarah Indonesia dan Malaysia. Pemulihan hubungan baik menjamin kerjasama yang erat dalam segala lapangan antara Malaysia dan Indonesia, yang kita akan jalankan dengan seberapa baik, apa lagi, dalam bidang bahasa dan pelajaran. Saya yakin Indonesia akan memainkan peranan yang utama dalam menjamin keamanan, kemakmuran dan keteguhan politik di Tenggara Asia ini. Dengan adanya sebuah negara Indonesia yang makmur dan kuat di Tenggara Asia, kita dan rakyat di Tenggara Asia bolehlah memandang kepada satu masa yang cemerlang di hadapan mereka - masa yang cerah, berbahagia dan kemegahan dan keagungan.

Indonesia dan Malaysia akan bekerjasama bagi memajukan dan meninggikan taraf hidup rakyat masing-masing dan juga bagi menjamin keteguhan politik, ekonomi, kerjasama dan perasaan muhibah antara dua negara yang berjiran dan bersaudara di Tenggara Asia ini dengan negara-negara jiran yang lain.

Saya dengan sukacita mengucapkan minum selamat kepada Indonesia dan rakyatnya.